KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	28.06.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			

Gajah muncul depan rumah

Penduduk trauma lihat mamalia besar itu masuk kawasan kediaman, musnahkan tanaman

LAPORAN KHAS

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
KUALA KRAI



EKSKLUSIF

Tanaman penduduk yang dimusnahkan oleh haiwan liar tersebut.

Sejak kebelakangan ini, tercetus konflik antara manusia dan gajah apabila haiwan liar tersebut semakin kerap muncul sehingga memusnahkan tanaman penduduk di Kampung Tok Uban, Lata Rek di sini.

Lebih membimbangkan apabila 20 ekor gajah liar tersebut mula berani masuk ke kawasan kediaman penduduk sejak Mei lalu sehinggakan ia dapat dilihat secara jelas menerusi jendela rumah.

Tindakan haiwan berkenaan dipercayai berpunca daripada kawasan 'kediamannya' diceroboh sekali gus menyebabkan gajah-gajah itu hilang arah dan masuk ke penempatan penduduk untuk mencari makanan.

Saiz gajah yang besar dan berat mencecah sehingga dua tan itu menyebabkan penduduk kampung trauma selain berada dalam ketakutan apabila melihat secara dekat haiwan berkenaan.

Wakil penduduk, Mohd Ridzuman Hanapi, 37, berkata, sepanjang hayatnya gajah hanya dikenali pada nama sahaja namun kini ia boleh dilihat di depan rumah.

"Kalau seekor dua tidak mengapa lagi tetapi ia mencecah sehingga 20 ekor yang bergerak secara berkumpulan.

"Setakat ini yang kami tahu ada dua kumpulan gajah terdiri daripada 14 ekor dan enam ekor," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, serangan haiwan liar berkenaan bermula sejak 26 Mei lalu sehingga menyebabkan 90 keluarga di sini hidup dalam ketakutan.

Katanya, pelbagai langkah yang diambil penduduk termasuklah melaporkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar (Perhilitan) bagi mengatasi masalah tersebut.

"Ada juga penduduk menggunakan mercun bola untuk menghalau gajah-gajah itu. Satu peket mercun bola berharga RM35 dan mengandungi 100 biji.

"Setiap penggunaan melibatkan tiga hingga empat peket dan sekarang penduduk berdepan dengan masalah bekalan mercun bola yang sukar diperoleh.


"Hanya ini yang kami mampu lakukan demi menjaga keselamatan penduduk serta menjarakkan haiwan liar tersebut daripada memasuki kawasan perkampungan," katanya.

Bermalam di kebun

Sementara itu, pekebun, Mohd Azhar Mat Jusoh, 43, berkata, dia kini terpaksa bermalam di kebun bagi memastikan haiwan liar tersebut tidak kembali memusnahkan tanaman sayur dan pisang yang diusahakan.

"Saya bermalam di kebun sambil memasang unggun api bagi memastikan gajah tidak mendekati kawasan kebun.

"Walaupun berada dalam keadaan berdebar kerana bimbang jika haiwan liar itu mendekati, hanya itu yang mampu saya lakukan demi menjaga periuk nasi



Penduduk menunjukkan najis gajah yang bersepah di kawasan kampung.



Kulit pokok getah turut menjadi makanan gajah.



Kehadiran gajah menyebabkan penduduk di Kampung Tok Uban, Lata Rek, Kuala Krai menjadi trauma.